

## HONG LEONG BANK BERHAD/HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD

### NOTIS PRIVASI

#### 1. Kerahsiaan Maklumat Peribadi

- 1.1 Hong Leong Bank Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad termasuk semua cawangan di dalam Malaysia dan di luar negara serta subsidiari luar negara atau, apabila diperlukan di dalam mana-mana konteks yang berkaitan (dengan ini dirujuk sebagai 'Pihak Bank' 'kami') berusaha untuk melindungi kerahsiaan maklumat peribadi ('maklumat') pelanggan, pekerja, penjual/pembekal perkhidmatan dan rakan perniagaan (dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai 'subjek data'), yang telah diberikan kepada Pihak Bank.
- 1.2 Jika anda sedang membaca Notis Privasi ini bagi pihak sebuah syarikat/perniagaan yang mengekalkan hubungan komersial dengan kami, Privasi Notis ini adalah ditujukan kepada, di antaranya, penjamin individu, pengarah, pemegang saham, penguatkuasa penandatanganan/peniaga, peminjam, setiausaha syarikat, pemilik berfaedah (seperti; pemilik tunggal dan rakan kongsi) atau mana-mana wakil penguatkuasa sebuah syarikat/perniagaan ("pihak yang berkaitan") dan "anda" hendaklah menafsirkan dengan sewajarnya mengikut pihak yang berkaitan. Sila membantu bagi menyediakan Notis Privasi ini kepada pihak-pihak yang berkaitan di dalam syarikat/perniagaan anda.
- 1.3 Notis ini adalah bertujuan untuk membantu anda, sebagai subjek data, untuk memahami;
- Jenis maklumat yang kami kumpul and cara pengumpulan maklumat ini; Bagaimana kami menggunakan maklumat anda;
  - Pihak-pihak terbabit yang akan didedahkan maklumat ini;
  - Cara-cara penyimpanan maklumat ini; dan
  - Cara-cara kami akan memberi hak dan perlindungan yang wajar diterima oleh anda, termasuk bagaimana untuk akses dan kemaskini maklumat anda.
- 1.4 Memastikan keselamatan maklumat peribadi anda adalah keutamaan kami. Kami akan berusaha untuk melindungi kerahsiaan maklumat ini dengan memastikan adanya perlindungan yang sesuai dari segi fizikal, elektronik dan prosedur. Kami membuat pelaburan dalam sistem dan infrastruktur bagi mengurangkan risiko keselamatan maklumat daripada dikompromi. Setiap pekerja kami juga terikat dengan Kod Kelakuan dan Etika yang mewajibkan mereka untuk memelihara kerahsiaan maklumat pelanggan.
- 1.5 Apabila kami menggunakan syarikat lain ('pembekal perkhidmatan') untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kami bagi pihak kami, kami juga akan mewajibkan pembekal perkhidmatan kami untuk melindungi kerahsiaan maklumat peribadi anda yang mungkin diperolehi oleh mereka.
- 1.6 Berhubung dengan klausa 1.4 di atas dan klausa 4.2 di bawah, adalah diharapkan anda memahami bahawa kami akan hanya berkongsi maklumat anda dengan pembekal perkhidmatan dan rakan perniagaan kami mengikut kandungan Notis ini.

## **2. Pilihan untuk Memberi Maklumat Peribadi**

- 2.1 Di dalam beberapa seksyen bagi borang-borang kami (seperti; borang pembukaan akaun, borang permohonan pinjaman), ia adalah wajib untuk anda menyediakan maklumat--maklumat yang berkaitan. Di dalam seksyen-seksyen tersebut, maklumat anda diperlukan oleh kami untuk memproses permohonan anda bagi produk dan/atau servis kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan maklumat tersebut, pihak Bank mungkin tidak dapat menawarkan produk dan/atau perkhidmatan ataupun berurusan dengan anda.
- 2.2 Kami akan berusaha untuk memastikan anda sentiasa dimaklumkan mengenai tawaran pemasaran dan promosi terkini yang mungkin berguna dan bermanfaat untuk anda. Ini termasuk program-program yang mungkin berguna dalam membantu anda menguruskan akaun anda; sebagai contoh menaiktaraf perkhidmatan, penambahan had kredit/pembiayaan dan manfaat-manfaat lain.
- 2.3 Walaubagaimanapun, anda diberi pilihan untuk tidak menerima tawaran-tawaran pemasaran dan promosi ini. Anda boleh berbuat demikian dengan memberitahu pihak Bank. Permintaan anda akan diproses dan tiada sebarang bayaran akan dikenakan.

## **3. Jenis-jenis Maklumat Peribadi yang Dikumpul**

- 3.1 Maklumat peribadi ditakrif di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebagai maklumat yang berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mengenai seseorang individu yang dikenal pasti atau yang boleh dikenal pasti melalui maklumat tersebut.
- 3.2 Jenis-jenis maklumat peribadi yang dikumpul mungkin berbeza bergantung kepada urusan perniagaan anda. Maklumat yang dikumpul adalah seperti berikut:
  - Maklumat yang dikumpul di dalam permohonan atau borang-borang lain atau sepertimana yang diberikan oleh anda, seperti nama, nombor kad pengenalan atau pasport (untuk warga asing), alamat, alamat emel, nombor telefon, pekerjaan, kedudukan kewangan seperti asset dan pendapatan, objektif pelaburan, maklumat majikan, dan maklumat-maklumat lain yang mungkin berkaitan dengan permohonan anda;
  - Maklumat berkaitan dengan transaksi anda dengan pihak Bank, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan atau pihak ketiga, (seperti baki akaun, rekod bayaran dan aktiviti akaun);
  - Maklumat dari laporan-laporan biro kredit dan agensi pelaporan kredit;
  - Maklumat dari agensi kerajaan, pihak berkuasa undang-undang dan berkanun;
  - Maklumat daripada pemegang akaun bersama anda dan/atau pihak yang memberi sekuriti kepada kemudahan-kemudahan anda dan/atau pihak lain yang telah dinamakan di dalam permohonan anda untuk produk dan perkhidmatan atau dokumen-dokumen sokongan kepada permohonan anda termasuk tetapi tidak terhad kepada ahli keluarga anda, pengarah, pemegang saham individu, penandatanganan yang diberi kuasa, penjamin, dan anda mengesahkan dan memberi jaminan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran dari individu tersebut untuk pemrosesan maklumat mereka oleh kami;
  - Maklumat yang diperolehi melalui akses anda ke laman web (seperti; alamat IP dan 'cookies' computer anda). Kami menggunakan 'cookies' untuk beberapa tujuan, termasuk menyimpan pilihan anda terhadap sesetengah jenis maklumat atau produk tertentu, analisis lanjut bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, untuk mempertingkatkan produk dan/atau menyesuaikan perkhidmatan kami khusus buat anda. Jika anda tidak mahu untuk membenarkan pengaktifan 'cookies' tersebut, anda boleh mengubah tetapan di pelayar dan/atau

aplikasi telefon bimbit anda;

- Maklumat untuk produk insurans/takaful;
- Jika anda mempunyai atau memiliki lebih dari satu akaun dengan kami, kami akan menghubungkan kesemua akaun-akaun dan maklumat anda bagi membenarkan kami untuk memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang hubungan anda dengan kami;
- Rakaman dari litar rakaman tertutup (CCTV) yang berada didalam semua premis kami dan terminal servis automatik kami;
- Imej (termasuk fotografi) rakaman video dan/atau audio di premis kami atau di acara yang diadakan oleh Kumpulan Syarikat Hong Leong; dan
- Maklumat yang didapati dari sumber-sumber awam.

#### **4. Penggunaan Maklumat Peribadi**

4.1 Pihak Bank mengumpul maklumat anda untuk tujuan memberikan perkhidmatan kewangan atau produk-produk yang dipohon oleh anda untuk memenuhi keperluan dan objektif kewangan anda.

4.2 Pihak Bank juga boleh berurusan dengan rakan-rakan perniagaan untuk membangunkan, secara usahasama, produk dan perkhidmatan atau melancarkan kempen-kempen pemasaran yang mungkin melibatkan perkongsian maklumat peribadi anda.

4.3 Maklumat peribadi anda boleh diguna atau diproses oleh Pihak Bank atau pembekal perkhidmatan Pihak Bank untuk tujuan-tujuan berikut:-

- Untuk urusan perniagaan di antara anda dan Pihak Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dengan atau yang bergabung dengan Pihak Bank, pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan niaga Pihak Bank;
- Untuk memproses permohonan-permohonan untuk produk dan perkhidmatan;
- Untuk menilai dan memantau keupayaan kredit/pembiayaan;
- Untuk membantu anda dalam pengeluaran dari Kumpulan Wang Persaraan Pekerja berkaitan dengan permohonan pinjaman atau pelaburan dengan pihak Bank;
- Untuk tujuan pengesahan identiti dan pemeriksaan usaha wajar ;
- Untuk tujuan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda, samada melalui perbankan secara bersemuka atau melalui medium elektronik, termasuk untuk pemprosesan resit dan bayaran, perkhidmatan mesin juruwang automatik/mesin deposit wang, dan kad kredit/debit;
- Untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan analitik termasuk; tetapi tidak terhad kepada perlombongan maklumat dan analisis transaksi anda dengan Pihak Bank;
- Untuk menilai dan memantau pemberian perkhidmatan;
- Untuk memberi respon kepada pertanyaan-pertanyaan dari pihak anda;
- Untuk tujuan mentadbir tawaran, pertandingan dan promosi;
- Untuk tujuan kajian dan pembangunan produk dan perkhidmatan untuk kegunaan pelanggan;
- Untuk membolehkan Pihak Bank, syarikat-syarikat berkaitan dan/atau berhubung dengan Pihak Bank, pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka;
- Untuk tujuan pengutipan hutang;
- Untuk tujuan menguatkuasakan/mempertahankan hak-hak dan kewajipan kami daripada pihak lain ke atas kami dan/atau sekutu-sekutu kami;
- Untuk tujuan pencegahan penipuan atau mengesan penjenayahan atau bagi tujuan penyiasatan;
- Untuk menilai, memproses dan menyiasat risiko-risiko dan tuntutan-tuntutan insurans/takaful;

- Untuk tujuan deposit insurans;
- Untuk membolehkan seseorang pihak untuk menilai sebarang tugas sebenar atau dicadangkan, penyertaan, sub-penyertaan dan/atau novasi hak-hak dan/atau kewajipan kami;
- Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan, yang mungkin melibatkan pendedahan, notifikasi dan penyimpanan rekod;
- Untuk mengekal dan melindungi premis kami dan terminal servis automatik kami;
- Untuk tujuan audit dan pengurusan risiko;
- Untuk tujuan cadangan penggabungan atau yang sebenar, penjualan, pemindahan atau cadangan pemindahan mana-mana bahagian kepentingan, aset, kewajipan, bisnes dan/atau operasi Pihak Bank;
- Untuk tujuan pemeriksaan kredit (termasuk dan tidak terhad kepada permohonan pinjaman dan untuk tujuan semakan pinjaman dari masa ke semasa atau khas, yang akan berlaku setiap tahun atau lebih);
- Untuk memenuhi arahan dan/atau untuk memberi kerjasama kepada mana-mana pihak kerajaan berkuasa dan/atau agensi dari mana-mana negara dan/atau bidang kuasa;
- Untuk apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan atau dengan kebenaran anda; dan
- Untuk semua tujuan-tujuan lain yang bersampingan dan berkaitan dengan mana-mana di atas.

4.4 Rakaman CCTV, foto dan/atau imej, mungkin digunakan untuk tujuan mengekalkan kualiti, mengenalpasti dan mencegah penjenayahan atau pra-sangka, penyalahgunaan atau penggunaan kemudahan-kemudahan kami tanpa kebenaran, produk, perkhidmatan dan/atau premis dan bagi menjalankan penyiasatan insiden.

## **5. Penzahiran Maklumat Peribadi**

5.1 Bagi tujuan-tujuan di atas, maklumat peribadi anda mungkin boleh diberikan oleh Pihak Bank kepada:

- Mana-mana pihak yang mempunyai kewajipan kerahsiaan dengan Pihak Bank atau kepada syarikat-syarikat berkaitan atau yang berhubung dengan Pihak Bank (sama ada syarikat tersebut beroperasi di Malaysia atau di luar negara);
- Mana-mana institusi kewangan yang memberi atau berhasrat untuk memberi sebarang kemudahan kredit/pembiayaan kepada anda, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Sistem Maklumat Cek Tidak Laku, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang diberi kuasa melalui undang-undang untuk memperoleh maklumat tersebut, pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau pihak berkuasa kawal selia dan/atau mana-mana persatuan berkaitan industri;
- Syarikat dan/atau organisasi yang merupakan agen, syarikat bersekutu, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan kami, di dalam dan di luar negara.
- Penasihat anda (termasuk tapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, dan penasihat-penasihat professional lain) yang telah diberi kuasa oleh anda;
- Mana-mana penjamin, pemberi sekuriti, atau mana-mana pihak yang berniat untuk menyelesaikan sebarang wang yang tertunggak di bawah kemudahan-kemudahan yang telah dibenarkan dari Pihak Bank;
- Peguam, juruaudit, penasihat cukai, bank-bank pelaburan dan penasihat-penasihat professional lain yang dilantik dari Pihak Bank;
- Mana-mana institusi perbankan, atau institusi kewangan lain yang mana anda sedang atau

bercadang untuk berurusan dengannya;

- Mana-mana agensi rujukan kredit, agensi-agensi kutipan hutang, wakil agensi penarafan, pembekal langsung atau tidak langsung kredit keselamatan dan agensi pencegahan penipuan;
- Mana-mana syarikat insurans/pengendali takaful, pembrokeran dan mana-mana persatuan atau persekutuan syarikat insurans/pengendali takaful;
- Mana-mana orang perseorangan atau korporat di mana Pihak Bank bergabung/memindahkan/menjual atau bercadang untuk bergabung/memindahkan/menjual kepadanya mana-mana bahagian kepentingan, obligasi, perniagaan dan/atau operasinya;
- Mana-mana penama, pemegang amanah, pemegang amanah bersama, depository sekuriti berpusat atau pendaftar, penjaga, ejen hartanah, peguam atau orang lain yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan dan produk oleh Pihak Bank kepada anda;
- Mana-mana pihak kerajaan berkuasa dan/atau agensi dari mana-mana negara (sekiranya diperlukan);
- Mana-mana pihak yang perlu dibuat penzahiran oleh Pihak Bank seperti yang dituntut oleh undang-undang, kerajaan atau badan kawal selia yang berkenaan;
- Mana-mana pihak lain yang memerlukan maklumat seumpamanya secara munasabah untuk membolehkan Pihak Bank menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan seperti di atas.

## **6. Hak untuk Mengakses dan Memperbetul Maklumat Peribadi**

- 6.1 Anda mempunyai hak untuk bertanya sama ada Pihak Bank menyimpan maklumat anda dan untuk meminta akses kepada dan memperbetulkan maklumat yang disimpan. Anda dikehendaki untuk mengisi borang (di dalam format elektronik dan/atau fizikal) dan bayaran pentadbiran yang munasabah boleh dikenakan bagi memproses setiap permintaan akses maklumat.

## **7. Pindaan kepada Notis Privasi**

- 7.1 Notis ini boleh dikaji dan dipinda semula dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan sebarang perubahan bersama dengan Notis yang dikemaskini melalui laman web Pihak Bank ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)), dan/atau melalui medium komunikasi yang sesuai seperti yang ditentukan oleh Pihak Bank.

## **8. Hubungi kami**

- 8.1 Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, atau ingin mengetahui bagaimana kami mengendalikan maklumat anda atau cara-cara untuk mengakses maklumat anda, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan Bank di;

Nombor telefon	03 7626 8899
Alamat emel	<a href="mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my">HLOnline@hlbb.hongleong.com.my</a>
Alamat	Customer Advocacy, Level 13A, Menara Hong Leong, 6 Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.